



**IBU PEJABAT  
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS)  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

Aras 5-9,  
No.47, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya

Telefon : 03-8891 2000  
Faks : 03-8888 2312  
Laman Web : [www.kemas.gov.my](http://www.kemas.gov.my)



Ruj. Kami: KEMAS.BPAK

400 /03 (27)  
Tarikh: 29 Julai 2016

**Kepada Sesiapa Yang Berkenaan**

Tuan/Puan,

**PELAWAAN UNTUK MENGHANTAR CONTOH BUKU AKTIVITI KANAK-KANAK TABIKA KEMAS BAGI TUJUAN PEMILIHAN TAHUN 2017 DAN 2018**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah di rujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) akan membekalkan Buku Aktiviti Kanak-Kanak Tabika KEMAS berumur 5 dan 6 tahun bagi tahun 2017 dan 2018. Bagi tujuan tersebut, pihak Jabatan akan mengadakan penilaian Buku Aktiviti tersebut pada bulan September 2016.
3. Sehubungan itu, tuan/puan adalah dipelawa untuk mengemukakan contoh buku aktiviti bagi tujuan penilaian. Maklumat berkenaan tarikh dan tempat penghantaran contoh buku aktiviti bagi tujuan penilaian akan di maklumkan kemudian melalui laman web KEMAS iaitu [www.kemas.gov.my](http://www.kemas.gov.my).
4. Sekiranya pihak tuan/puan berminat untuk mengemukakan contoh Buku Aktiviti untuk dinilai, kerjasama tuan/puan adalah dipohon agar mematuhi syarat penghantaran buku aktiviti seperti di **LAMPIRAN 1**. Panduan mengisi borang penghantaran buku aktiviti bagi tujuan penilaian tahun 2017 dan 2018 seperti di **LAMPIRAN 2**. Kegagalan pihak tuan/puan dalam mematuhi syarat yang ditetapkan boleh menjelaskan proses penilaian buku aktiviti yang dijalankan.
5. Sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi pegawai kami iaitu Cik Khairun Nisa' Bt Roshdi di talian 03-88912734 atau En Saiful Nizam Bin Selamat ditalian 03-88912736.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"Komuniti Berdaya Desa Berjaya"**

Saya yang menurut perintah,

(ANISAH BINTI SAIDIN)

Bahagian Pendidikan Awal Kanak-Kanak  
b/p Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Masyarakat  
**MALAYSIA.**